

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]

**SOALAN : Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI menyatakan usaha Kementerian bagi
menjayakan projek-projek Azam Tani, Pertanian
Bandar dan Ladang Kontrak serta kejayaan
masing-masing setakat ini.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

1) PROJEK AZAM TANI

Bagi mencapai objektif Program AZAM TANI ini, antara usaha yang dijalankan oleh Kementerian adalah:

- i. Menjalankan Kursus Pengurusan Kewangan Secara Berhemat berkolaborasi bersama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit;
- ii. Mengadakan kursus tambahan dari aspek keusahawanan dan teknikal seperti pemprosesan makanan, kaedah penanaman tanaman, pembungkusan dan perlabelan dan pelbagai latihan yang berkaitan;
- iii. Menyediakan skim pinjaman pembiayaan projek oleh Agrobank dan TEKUN;
- iv. Menyediakan geran bantuan di bawah Kementerian; dan
- v. Pemantauan dan pemberian khidmat nasihat teknikal oleh pegawai pembimbing secara berterusan.

Sehingga 2014, Projek AZAM Tani telah berjaya membantu seramai 18,016 keluarga Miskin dan Miskin tegar eKasih di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Daripada 18,016 keluarga yang telah dibantu, seramai 7,503 keluarga (43.1%) telah berjaya keluar daripada status miskin dan miskin tegar serta berupaya menjana pendapatan tambahan hasil daripada projek yang diusahakan dengan purata pendapatan di antara RM200 – RM2,000 sebulan. Malah, terdapat juga peserta yang mampu memperoleh pendapatan melebihi RM10,000 sebulan.

2) PERTANIAN BANDAR

Usaha bagi menjayakan program Pertanian Bandar dibuat melalui 4 kategori projek iaitu:

- i. Kawasan perumahan (secara individu);
- ii. Kawasan perumahan (secara komuniti);
- iii. Sekolah; dan
- iv. Institusi (pejabat, swasta, institusi lain).

Sehingga April 2015, seramai 12,000 peserta dari 300 lokasi telah terlibat secara langsung dalam program/projek Pertanian Bandar. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 200 sekolah dan 120 institusi menjalankan projek/aktiviti Pertanian Bandar di premis mereka.

3)LADANG KONTRAK

Pada tahun 2015, beberapa pendekatan baru diambil bagi memantapkan lagi program Ladang Kontrak seperti berikut:

- i) Meningkatkan profesionalisme peserta Ladang Kontrak & lebih berdaya saing;
- ii) Menggalakkan penanaman secara komersil;
- iii) Meningkatkan kemahiran pengurusan ladang; dan
- iv) Meningkatkan produktiviti peserta Ladang Kontrak.

Selain itu, MOA telah mengambil langkah proaktif bagi menangani isu orang tengah di kalangan peniaga dengan memperkenalkan Program Pengukuhan Bekalan dari Ladang Kontrak (KUKUH) terus ke pasaran khususnya Pasar Tani bagi memberi pulangan yang munasabah kepada petani dan menawarkan harga yang berpatutan kepada pengguna.

Sehingga 31 Disember 2014, Ladang Kontrak telah berjaya merekodkan pencapaian keluasan sebanyak 7,915 ha dengan peserta seramai 4,777 orang dan pengeluaran sebanyak 344,167 tan metrik dengan nilai RM688,333,264. Sehingga Mac 2015, Ladang Kontrak telah mencatatkan pencapaian keluasan sebanyak 1,930 ha dengan 817 orang peserta dan pengeluaran sebanyak 94,432 tan metrik yang bernilai RM188,864,176.